

lokal

35 terima biasiswa Baitulmal

MAIWP peruntuk insentif khas RM1.942 juta wang zakat kepada penerima di Putrajaya, Labuan

Oleh Hamizah Badiran
hamizah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperuntukkan RM1.942 juta untuk Biasiswa Baitulmal Insentif Khas Pelajar Cemerlang di Wilayah Persekutuan, Putrajaya dan Labuan tahun ini.

Jumlah itu memberi manfaat kepada 35 pelajar cemerlang dalam bidang agama, kejuruteraan, kedoktoran, guru, teknologi maklumat dan sains fizik yang menyambung pelajaran mereka di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam negara.

Ketua Pega-wai Eksekutif MAIWP, Datuk Abdul Aziz Jusoh berharap



ABDUL Aziz (tengah) bergambar bersama penerima biasiswa MAIWP di Perkim, semalam.

dengan usaha murni MAIWP itu meningkatkan taraf hidup ummah selaras pembentukan masyarakat beradaya saing.

"Jumlah biasiswa dan penerima pada tahun ini juga lebih tinggi berbanding tahun lalu yang

hanya RM1 juta untuk 20 pelajar.

"Bagaimanapun, ini adalah ketelusan kami, amanah yang diberi kepada MAIWP oleh pembayar zakat dan kami tunaikan hari ini (semalam)," katanya ketika ditemui selepas menyerahkan Surat Tawaran Skim Biasiswa Baitulmal Insentif Khas Pelajar Cemerlang Dalam Negara 2019, di Bangu-

nan Perkim di sini, semalam.

Menurut Abdul Aziz, selain memberi bantuan kepada golongan yang layak, zakat Baitulmal dilaksanakan MAIWP bermatlamat mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan dan akhirnya menjadi pembayar zakat pula.

Justeru, pihaknya menyasarkan sekurang-kurangnya

satu rumah keluarga asnaf daripada 20,000 di Wilayah Persekutuan termasuk Putrajaya dan Labuan mempunyai seorang anak yang peringkat diploma atau ijazah, sarjana dan doktor falsafah.

"Menerusi pendidikan dan kelayakan mereka, diharap membantu mengubah kehidupan keluarga," katanya.

Penerima biasiswa, Hu-

maira' Mohd Taufik, 20, melahirkan rasa syukur kerana dengan bantuan yang diterima itu mampu meringankan beban ibu bapanya.

Pelajar semester satu Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Keujian Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini berjanji belajar bersungguh-sungguh agar peluang dan kepercayaan yang diberi bukan sia-sia.

"Biasiswa yang diterima ini rezeki yang dihargai apatah lagi digunakan sepenuhnya untuk pengajian di universiti," katanya.

Anak bongsu daripada tiga beradik, Muhammad Haziqhakimi Hasnu, 21, berkata, biasiswa diberikan menjadi pembakar semangat.

"Sekiranya bekerja dan mampu, saya akan membantu orang lain yang senasib pula," katanya yang belajar di Universiti Malaysia Pahang dalam kejuruteraan kimia.

Penerima biasiswa tahun ini lebih tinggi